

19-Feb 2020, BH, P.41



Khalid ketika merasmikan taklimat khas KLWBC 2020 di Kuala Lumpur, kelmarin.

(Foto Elzairi Shamsudin/BH)

KLWBC 2020 ketengah '100 Buku Emas Malaysia'

Penerbitan semula naskhah terbaik beri peluang B40 dapat akses buku, ilmu

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebanyak 100 buku tempatan terbaik sejak 1925 akan diterbitkan semula dan diagihkan kepada golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) di seluruh negara sempena Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020 (KLWBC 2020).

Penerbitan semula naskhah dalam senarai '100 Buku Emas Malaysia' itu adalah antara acara tumpuan penganjuran KLWBC 2020 yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di Dataran Merdeka di sini, pada 22 April depan.

Dr Mahathir dijadual menerima arca Kota Buku Dunia (WBC) dari Sharjah, Emiriah Arab Bersatu, sekali gus merasmikan status Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia Ke-20 dan ia akan diraikan selama setahun.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Samad, berkata pemilihan 100 buku berkenaan dilakukan panel profesional dengan setiap judul akan dicetak sebanyak 10,000 salinan selain turut dijual kepada orang ramai sepanjang KLWBC 2020.

Katanya, persekitaran ekonomi negara yang berdepan isu kos sara hidup hampir tujuh tahun menyebabkan industri perbukuan menerima impak teruk, sekali gus menghadkan akses kemampuan rakyat untuk daya beli buku.

Penerbitan semula naskhah berkenaan akan ditaja syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta yang mengutamakan golongan kanak-kanak dan remaja, selain judul buku terpilih, berkualiti dan standard.

"Ini kekangan utama bagi go-

longan B40. Realiti ini cabaran utama dan kita memahami isu berkenaan membelenggu masyarakat B40. Bagaimanapun, kita tidak mahu ia menjadi alasan menafikan akses mereka kepada buku dan ilmu.

"Golongan B40 pastinya mengutamakan pembiayaan pendapatan bagi akses kediaman, makanan, pendidikan dan perubatan. Justeru, kita kehilangan 2.8 juta isi rumah B40 sebagai kumpulan berpotensi menyumbang peningkatan kadar membaca negara.

"Tanpa penyertaan B40 sebagai pembaca, sukar untuk kita meningkatkan purata menyeluruh kadar pembacaan negara, meminggirkan golongan ini juga bererti meningkatkan akses perbukuan akan dinafikan pada golongan bawah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan taklimat khas KLWBC 2020 yang turut dihadiri Datuk Bandar Kuala Lumpur merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana KLWBC 2020, Datuk Nor Hisham A Dahlan di sini, kelmarin.

Mengulas penganjuran berkenaan, Khalid berkata, gelaran WBC bukan untuk meletakkan Kuala Lumpur dalam peta perbukuan dan ilmu antarabangsa, sebaliknya ia membabitkan tanggungjawab besar untuk dilaksanakan bersama.

"KLWBC 2020 juga menyediakan lebih 300 acara sepanjang sambutanannya bagi meningkatkan kadar pembacaan rakyat. Buku adalah literasi ilmu dalam membina peradaban Malaysia Baharu menuju negara berpendapatan tinggi," katanya.

Malaysia di kedudukan 53 dalam senarai negara membaca.

Kadar literasi negara ketika ini melebihi 95 peratus, namun tabiat membaca masih pada paras rendah.

Purata membaca rakyat Malaysia masih sekitar 1.7 halaman sehari atau 15 hingga 20 buku setahun.

Ia adalah separuh daripada 31 buku setahun seperti dalam standard Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

31 peratus kanak-kanak bawah 18 tahun di Malaysia tidak mendapat akses kepada buku.

33 peratus kanak-kanak bawah 18 tahun di Malaysia mendapat akses kurang daripada 5 buku.

21 peratus kanak-kanak bawah 18 tahun di Malaysia mendapat akses antara 6 hingga 10 buku.

15 peratus kanak-kanak bawah 18 tahun di Malaysia mendapat akses melebihi 11 buku.